

Headline	ISU		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	171,663
Page No	23	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	92 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,818
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,455



ISU

■ WALAUPUN sudah diberi pelbagai amaran tetapi pemandu Malaysia masih berdegil dan tetap menggunakan lorong kecemasan. Jangan disebabkan sikap ego anda menyusahkan orang lain pula. Hargailah nyawa orang lain dan juga nyawa keluarga sendiri.

TIN KOSONG

■ BEBERAPA lebuh raya terutama Lebuh Raya Utara Selatan sesak teruk sehingga kenderaan terperangkap selama 15 jam! Pengguna terpaksa 'reda' sebab nak balik kampung untuk beraya. Pihak berwajib tolong fikirkan cara untuk selesaikan masalah ini.

KEROPOK LEKOR

■ APA motif portal *Malaysiakini* menyiarcan artikel akhbar Bangladesh, *The Daily* yang mengaitkan pendakwah antarabangsa, Dr. Zakir Naik dengan anggota kumpulan militan? Kalau dilihat secara kasar, semuanya bertujuan menyinggung perasaan umat Islam.

AMIR

■ UMAT Islam di negara ini perlu berhati-hati dan jangan mudah terpedaya dengan fitnah mengenai Tabung Haji ataupun Pusat Pungutan Zakat oleh golongan tidak bertanggungjawab yang mempunyai niat jahat.

012-871XXXX

■ KEMENTERIAN Dalam Negeri digesa mengambil tindakan tegas terhadap pegawai dan anggota yang disyaki terlibat dengan penyalahgunaan kuasa dan rasuah dalam kes judi haram yang semakin berleluasa di seluruh negara. Mujur ada STAGG dari Bukit Aman, sekurang-kurangnya dah nampak ada tindakan dibuat.

017-941XXXX